

Di Kalangan Umat Melayu di Tanah Melayu

Sebanyak hampir 4,000,000 umat bangsa Melayu di Tanah Melayu ini, yang menurut kepada pengakuan-pengakuan mereka sendiri, kesemuanya mereka itu adalah beragama Islam, dan dunia turut tau bahawa orang-orang Melayu itu ialah orang Islam. Perkembangan ideologi Islam dikalangan umat Melayu di sini bukanlah suatu perkara yang baharu, bahkan telah pun hampir 600 tahun sudah lamanya, iaitu semenjak empayar Melayu masih tegak di dunia pada masa yang silam. Tetapi setelah melihat dari perkembangan kemajuannya, mengukur dari politik dan ekonominya, menyukat dari sosial dan masyarakat mereka yang telah pun berjalan beratus-ratus tahun lamanya itu hinggalah kepada masa sekarang ini, bahawa ideologi Islam itu belum pun menjadi jiwa dan amalan kepada seluruh umat bangsa Melayu di Tanah Melayu kita ini dalam ertikata yang sebenar-benarnya menurut kehendak Tuhan Rabb al-'Ālamīn.

(Oleh: Alimin)

Setengah penulis mensifatkan golongan masyarakat Islam di tanah air kita ini – Persekutuan Tanah Melayu – terbahagi kepada 4 golongan, iaitu pertama: Golongan Islam yang progresif yang luas fikirannya. Golongan ini sukar sekali berganjak dari kepercayaannya terhadap keagungan dan ketinggian Islam. Dan orang-orang inilah kebanyakannya yang berada di dalam Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) itu.

Kedua: Golongan fesyen lama, yang masih tebal faham kekolotannya, mereka terlalu fanatik kepada agama, tetapi kepadanya agama berupa upacara-upacara ibadat sahaja, dan soal ketatanegaraan bukanlah urusannya. Golongan ini besar bilangannya dalam masyarakat kita dan sentiasa boleh diputar serta diayun oleh bermacam-macam isme politik penjajahan. Yang ketiga: Golongan yang mengaku dirinya Islam, memakai nama Islam, tetapi tidak mengamalkan pengajaran-pengajaran Islam. Kepercayaan mereka terhadap Tuhan

samar-samar. Islam pada mereka tidak lebih dari pusaka keturunan sahaja. Golongan ini kebanyakannya¹ terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan Barat yang berfaham kebendaan itu. Golongan ini kecil sahaja tetapi teguh kedudukannya dan besar pengaruhnya dalam masyarakat, mereka banyak yang sedang mengendalikan teraju pemerintahan negara kita sekarang, dan dari kalangan inilah pula diantaranya lahir pemimpin-pemimpin *nationalist* menentang penjajahan untuk menganjurkan keadilan masyarakat secara Barat pula. Yang keempat: Golongan yang tidak percayakan Tuhan dan agama, nama mereka sahaja Islam secara kebetulan kerana dilahirkan dari ibu dan bapa yang Islam, kepercayaan terhadap Tuhan tidak ada sama sekali dalam hatinya.

Kepada orang-orang yang kolot dan fanatik yang memisahkan agama Islam dari ketatanegaraan – politik, (menurut istilah Kristian), dan yang

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya kebanyakannya

kepercayaan mereka samar-samar terhadap Tuhan, juga yang langsung tidak percayakan Tuhan itu, telah nyatalah bahawa mereka tidak kenal dan tidak pula mau mengenal kepada Tuhannya yang menjadikan mereka serta memberikan beberapa rahmat dan nikmat kepada mereka. Mereka tidak kenal maka tak cinta – tak cinta sebab tak tahu.

“Agama yang diakui Allah hanyalah Islam.....”

Kenapakah maka mereka menyingkirkan Islam dan ideologinya?!, tetapi memperjuangkan bersungguh-sungguh ideologi-ideologi yang lain dari Islam iaitu ideologi-ideologi yang fasik, yang zalim dan yang kafir.... .., apakah ini yang menjamin untuk kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat?!

“Islam itu tinggi, tidak ada yang lebih tinggi daripadanya”, kerana Islam dan ideologinya ialah ciptaan Allah *subhānahu wa ta’ālā* serta pula direndai oleh-Nya.

Sejarah Beliung

Kita umat bangsa Melayu di Tanah Melayu ini, sudah sepatutnya menyedari dan menginsafi dengan sepenuhnya akan hal-hal peristiwa yang telah berlaku dan yang akan berlaku terhadap kita sendiri. Kita adalah suatu bangsa yang telah pernah agung, berdaulat, bernegara dan beragama dan dihormati oleh dunia seluruhnya, tetapi keagungan kita telah roboh, dirobohkan oleh penjajah dan pembelot-pembelot yang suka menjadi perkakasnya. Orang-orang yang seperti ini sangat berbahaya sekali, mereka laksana, “kuman dalam darah” di badan. Pihak penjajah

itu pula, bukannya hanya ingin menjajah sahaja, tetapi juga ingin menghancurkan leburkan kebudayaan bangsa, bahasa, semangat, jalan fikiran, pelajaran, adat resam dan juga agama kita itu. Mereka cukup sedar dan cukup pakar dalam soal yang demikian ini. Oleh itu, kita patut mengingati akan sejarahnya beliung iaitu dimisalkan bahawa umat bangsa Melayu di tanah air kita ini: “Laksana kayu-kayuan yang berada di rimba raya yang indah permai, riwayatnya akan ditamatkan oleh “beliung” yang berulukan kayu juga!....”

Awas! – sekian, merdeka!

Negara Islam

Sambungan dari muka 23

dalam hal ini: Satu berpendapat bahawa soal yang dipertengkarkan itu hendaklah diserahkan kepada suatu badan dalam kalangan Ūlī al-Amr juga, yang kedudukannya lebih tinggi. Ada pula pendapat lain, iaitu rakyat hendaklah mendirikan suatu badan lain di luar Ūlī al-Amr (Parlimen), untuk membanding dan mengambil keputusan yang lebih tinggi.

Demikian huraian al-Sayyid Rashid Ridha, tentang persamaan dan keutamaan “Ūlī al-Amr” daripada “Parlimen”.

(Dari buah kalam al-Ustaz Zainal Abidin Ahmad)